

08 JUL 2001

MTUC-Asing

MTUC SEDIA LAPORAN MENGENAI KEMASUKAN ORANG ASING DALAM KESATUAN

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sedang menyiapkan laporan mengenai kemasukan lebih satu juta pekerja asing di negara ini ke dalam kesatuan sekerja.

Presidennya Senator Zainal Rampak berkata isu pekerja asing dibenarkan menyertai kesatuan sekerja dibangkitkan ketika pegawai-pegawai MTUC bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Julai lalu.

"Dr Mahathir berpendirian terbuka terhadap idea itu dan telah meminta MTUC menyediakan laporan dan kami sedang dalam proses mengumpul data yang berkaitan termasuk pengalaman negara yang membenarkan pekerja asing menyertai kesatuan sekerja," katanya kepada pemberita selepas persidangan Persatuan Hubungan Pekerjaan Antarabangsa kesembilan di sini hari ini.

Beliau berkata MTUC berpendapat bahawa pekerja asing di Malaysia harus dibenar menyertai kesatuan sekerja untuk memastikan hak dan keistimewaan mereka sebagai pekerja dilindungi.

Bagaimanapun, Zainal berkata jika pekerja asing itu, yang kebanyakannya rakyat Indonesia dan Bangladesh, diberikan kebenaran untuk menyertai kesatuan sekerja di Malaysia, mereka tidak akan dibenar memegang jawatan selaras dengan amalan antarabangsa.

Beliau berkata laporan MTUC itu akan turut menyenaraikan pelbagai masalah yang dihadapi pekerja asing di negara ini, termasuk diskriminasi oleh majikan terhadap pekerja berkenaan.

"Kami akan juga mencadangkan (dalam laporan itu) bahawa pekerja asing dibawa ke negara ini menerusi peraturan kerajaan-ke-kerajaan dan tidak menerusi agensi pekerjaan kerana ini akan dapat menyelesaikan banyak masalah," katanya.

Zainal berkata laporan itu masih di peringkat awal dan akan mengambil masa untuk disiapkan.

Mengenai perkara lain, beliau berkata kira-kira 90,000 daripada 180,000 pekerja di industri elektronik dijangka diberhentikan jika suasana ekonomi negara masih lembap sehingga akhir tahun ini.

-- BERNAMA

SR MAM AKD